

BAB 1
ABU BAKAR PALESTIN : SUATU PENGENALAN

BAB 1

ABU BAKAR PALESTIN: SUATU PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Ulama¹ adalah pewaris nabi². Mereka merupakan golongan sarjana Islam yang menjadi pemelihara, penterjemah dan penyampai ajaran meliputi akidah dan undang-undang Islam. Bahkan mereka adalah juga penghulu agama yang bertugas menjamin kesinambungan perkembangan spiritual dan intelektual umat sepanjang persada sejarah masyarakat Islam. Di samping itu, mereka juga menjadi penunjuk jalan kebenaran dan pengawal agama³.

Dalam masyarakat Islam, orang yang mempunyai pengetahuan agama dipanggil dengan beberapa gelaran. Antara gelaran itu ‘Allāmah, Faqih, Imam, Kadi, Kiyai, Lebai, Makhdun, Maulana, Mu’allim, Munsyi, Sidi, Syeikh, Wali (Jawa) Teungku

¹ Ulama ditakrifkan sebagai “orang yang memiliki pengetahuan tentang ilmu kealaman dan ilmu agama, dan pengetahuan yang dimilikinya itu dipergunakan untuk menghantarkannya kepada rasa *khasyyah* (takut dan tunduk) kepada Allah. Sementara Al-Qannūjī mentakrifkan ulama sebagai “orang yang mampu menghimpunkan antara ilmu “*ma’qūl*” atau ilmu dapatkan dengan ilmu “*manqūl*” atau ilmu wahyu. Lihat: Shukri Ahmad (2002), “Ulama dan Peranan Mereka di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke 20” (Tesis Ph.D, Universiti Sains Malaysia), hlm. 36-37 dan 304. Namun di sana ada juga seruan supaya definisi ulama ditakrifkan semula bersesuaian dengan cabaran semasa abad ke-21. Seruan ini disebabkan belum terdapat suatu takrif yang *jāmi’* dan *māni’* berhubung dengan takrif ulama. Kemungkinan besar mereka yang mencapai takrif ulama tetapi tidak diakui oleh golongan ulama sendiri sebagai sebahagian daripada mereka. Di negara kita antara tokoh yang terpinggir seperti Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Prof. Ahmad Ibrahim. Manakala tokoh luar Negara seperti Prof. Ismail Farouqi, Rasyid al-Ghanusyi atau Khursid Ahmad. Sumbangan pemikiran dan intelektual mereka amat besar kepada dunia Islam. Tetapi mereka tidak kategorikan sebagai ulama. Lihat: Mohamad Kamil Ab. Majid (2000), *Tajdid Perspektif Sejarah dan Masa Kini*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. hlm. 135-136.

² Ulama Ahl al-Sunnah Wa al-Jama’āh yang sentiasa menghidupkan al-Sunnah dan menegakkan al-Jama’āh dalam rangka *Iqāmah al-Din* (menegakkan agama). Lihat: Ismail Lutfi Japakiya (1422H) “Peranan Ulama Dalam Menghidupkan As-Sunnah Dan Menegakkan al-Jamaah”. Diterbitkan oleh: Majlis Ilmi Ar Ridzwan, Sungai Petani, Kedah. Tidak dinyatakan tempat dan tarikh pembentangan kertas kerja ini, hlm. 2

³ Shukri Ahmad (2002), *op.cit*, hlm. 31

(Acheh), Tok Guru, ulama, ustaz dan lain-lain⁴. Di Semenanjung Malaysia gelaran yang biasa diberikan kepada ulama ialah Tok Guru atau Tuan Guru.

Pada abad ke-19 dan ke-20M. Kelantan, Terengganu dan Kedah merupakan negeri yang paling banyak memiliki barisan ulama berbanding dengan negeri-negeri Tanah Melayu yang lain. Di Negeri Kedah antara tahun 1850-1935 terdapat sekurang-kurangnya enam puluh orang ulama⁵.

Secara umumnya, ulama di Utara Tanah Melayu pada abad ke-19 dinamakan oleh para pengkaji sejarah Melayu sebagai ulama tradisional ataupun Kaum Tua⁶. Bagi para pengkaji, ulama tradisional adalah golongan ulama pondok, manakala sebahagian ulama berpendidikan Mesir dikenali sebagai ulama reformis atau non tradisional.⁷

Ulama tradisional juga dikatakan golongan yang tiada pendedahan akademik mahupun persoalan semasa⁸. Selain itu, sifat pengajian mereka adalah “pengajian *umūmi*”⁹ sama ada di Haramāyn¹⁰ ataupun di pondok-pondok di Alam Melayu khususnya di Patani.

⁴ Muhammad Abu Bakar (1991). *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, hlm. 3

⁵ Shukri Ahmad (2001), “Pendekatan Karya Ulama Tradisional di Kedah: Tumpuan kepada karya-karya Jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin, Hanafiah Taib al-Qadhi (1908-1998M)” dlm. *Jurnal Usuluddin* Bil. 13, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm. 95

⁶ Abdul Rahman Haji Abdullah (1998). *Pemikiran Islam di Malaysia : Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Pulau Pinang; Pusat Pendidikan Jarak Jauh USM. hlm. 5-6. Mereka juga dikatakan bersifat negatif terhadap pembaharuan dan perubahan.

⁷ Shukri Ahmad (2002), *op.cit*, hlm. 77-78

⁸ *ibid*, hlm. 21

⁹ Shukri Ahmad (2001), *op.cit*, hlm. 96

¹⁰ Haramāyn merujuk kepada Makkah dan Madinah. Lebih tepat lagi merujuk kepada Makkah kerana tempat pengajian berpusat di Masjid al-Haram. Lihat: Shukri Ahmad (2002), *op.cit*, hlm. 20-21

Ulama tradisional sudah lama berperanan dalam aspek politik, sosial dan mempunyai autonomi dari sudut pembentukan pemikiran agama masyarakat setempat sejak abad ke-18. Sehingga abad ke-19 M, umat Islam di Alam Melayu dan di Malaysia khususnya, mengikut aliran pemikiran tradisionalisme. Dengan munculnya abad ke-20, aliran pemikiran ini terus memainkan peranannya yang tersendiri melalui usaha para ulama yang gigih dalam menyambung tradisi sebelumnya¹¹.

Mereka membuka pondok-pondok di Alam Melayu. Mereka disifatkan sebagai golongan yang berpegang teguh kepada akidah Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'āh¹² menurut pemikiran Abū al-Hasan bin Ismail al-Asy'arī (260H-330H)¹³ dan Abū al-Manṣūr Muḥammad bin Muḥammad Māturīdī (w. 333H)¹⁴ dan mengikut aliran al-Syāfi'iyyah dalam mazhab fiqh¹⁵. Fahaman dan pendekatan aliran Asy'arī dan

¹¹ Abdul Rahman Haji Abdullah (1998), *op.cit.* hlm. 27.

¹² Lihat: Abdul Fatah Haron Ibrahim (1999), *Ahli Sunnah dan Wujudiah-Batiniah*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. hlm. 84. Memetik definisi daripada *Mu'jam Lughah al-Fugahā' Ahl al-Sunnah*: Ahli Sunnah ialah mereka yang berpegang dengan al-Qur'an dan al-Sunnah serta menolak pendapat-pendapat ahli falsafah. Mereka ini ialah pengikut dua imam iaitu Abū Manṣūr bin Muḥammad al- Māturīdī al-Hanafī (333 H.) dan Abū al-Hasan 'Alī bin Isma'il al-Asy'arī al-Syāfi'i (330 H.) dan pengikut-pengikut salaf. Lihat juga: Abī al-Hasan al-Asy'arī (1981) *al-Ibānah 'an Usūl al-Dīyānāh*, Damsyik: Maktabah Dār al-Bayān. hlm. 17. Definisi yang diberikan oleh Asy'arī sendiri ialah: *Kata kami yang kami kotakan dan agama kami yang kami anut ialah berpegang dengan kitab Tuhan kami yang Maha Tinggi dan sunnah Nabi kami 'a.s dan segala yang diriwayat daripada sahabat dan tabi'in dan juga imam-imam hadith. Maka dengan semuanya itu kami berpegang dan termasuklah juga apa yang dikatakan oleh Abū 'Abd Allāh Ahmad bin Muḥammad bin Ḥambal semoga Allah menyinari wajahnya*.

¹³ Nama penuh dan keturunan beliau ialah Abū al-Ḥasan 'Alī bin Isma'il bin Abī Baṣar Ishāq bin Salīm bin Isma'il bin Abī Allāh bin Mūsā bin Bilāl bin Abī Burdah 'Āmir bin Abī Mūsā al-Asy'arī. Dilahirkan pada tahun 260 H. di Basrah. Al-'Asy'arī dinisbahkan kepada sahabat Rasulullah iaitu Abī Mūsā al-Asy'arī. Beliau berjuang menegakkan akidah sunni di Asia Barat khususnya di Iraq, Syria dan Mesir. Lihat: 'Alī 'Abd al-Fattah al-Maqhrībī (1986), *al-Firq al-Kalāmiyyah al-Islāmiyyah*, Mesir: Maktabah Wahbah. hlm. 278-282. Lihat juga: Abdul Shukur Haji Husin (2000), *Ahli Sunnah Wal Jamaah Pemahaman Semula*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 8.

¹⁴ Abū Mansūr berjuang di Asia Tengah dan bermastautin di Samarkand, Uzbekistan. Lihat: Abdul Shukur Haji Husin (2000), *ibid*, hlm. 8.

¹⁵ Shukri Ahmad (2002), *op.cit.* hlm. 20-21. Lihat juga: Abdul Shukur Haji Husin (2000), *op.cit.*, hlm. 8-9.

Māturīdī tidak mempunyai perbezaan yang ketara dalam akidah khususnya perkara usul akidah¹⁶.

Di Alam Melayu, pengajian akidah amat kuat menekankan pemikiran sunni aliran akidah Asy‘arī dan Māturīdī¹⁷. Keseluruhan kitab dalam pengajian akidah atau usuluddin dikarang menggunakan pendekatan pengajian sifat dua puluh yang menggabungkan asas-asas logik dan hujah-hujah naqli. Kitab-kitab akidah pendekatan sifat dua puluh dijadikan teks di pusat-pusat pengajian tradisional ataupun pondok. Antara kitab-kitab itu ialah kitab *‘Ilm al-Tawḥīd* (1032H/1622M) karangan Ahmad b. Aminuddin Qadi (Kedah), Kitab *Syarḥ ‘Aqīdat al-Imān* (1162H/1748M) karya Syihabuddin al-Haj b. Abdullah Muhammad al-Jawi, kitab *Bidāyat al-Hidāyah* (1170H/1757M) karangan Muhammad Zayn b. Faqih Jalal al-Din. Selain dari itu ada kitab-kitab akidah lain yang turut dijadikan teks pengajian di pondok misalnya kitab *Farīdat al-Farāid* (1313H/1895M) karya Ahmad al-Fatani, kitab *Sirāj al-Huda* karangan Muhammad Zayn al-Din Badawi al-Sumbawi, *al-Dūrr al-Thāmīn* dan *Ward al-Zawāhir* karangan Daud al-Fatani dan kitab *‘Aqīdat al-Nājīn fī ‘ilm Usūl al-Dīn* oleh Zayn al-‘Ābidin b. Muhammad al-Fatani¹⁸.

Pada akhir abad ke-20M. muncul seorang ulama di utara semenanjung iaitu Abu Bakar Palestin (selepas ini disebut Abu Bakar). Beliau telah disenaraikan sebagai salah seorang ulama Kedah dari kategori Ulama Kedah 1910-an hingga 1940-an¹⁹

¹⁶ Abdul Shukur Haji Husin (2000), *ibid*, hlm. 8-9.

¹⁷ Shukri Ahmad (2002), *op.cit*, hlm. 321.

¹⁸ Shukri Ahmad (2001), *op.cit*, hlm. 100-101

¹⁹ Mohd. Salchuddin Abd. Ghani (1998). “Ulama Kedah 1850-an hingga 1940-an” dlm, Mohd. Nor Salleh dan Abdul Halim Haji Salleh (1998), *Islam di Kedah Darul Aman, Dokumentasi : Konvensyen Sejarah Kedah Darul Aman Kedua*, Alor Setar : Majlis Kebudayaan Negeri Kedah,

Abu Bakar telah menghidupkan kembali budaya berkarya ulama-ulama tradisional. Beliau muncul sebagai salah seorang pengarang yang produktif sehingga menghasilkan sekurang-kurangnya 40 buah karya dalam pelbagai disiplin ilmu Islam.

Dengan itu, penyelidikan ringkas mengenai biodata Abu Bakar diharap akan dapat mengetengahkan tokoh ini untuk dikaji dan diterokai hasil penulisan dan pemikiran beliau. Mengenali latarbelakang seseorang tokoh adalah penting kerana hasil pemikiran mana-mana pemikir tidaklah semata-mata ijihad beliau tetapi ia turut dipengaruhi oleh zaman dan lingkungan sosialnya²⁰. Walau bagaimanapun, penyelidik hanya menyentuh secara sepintas lalu tokoh ini kerana kajian penyelidik bukan kajian tokoh tetapi kajian metodologi.

2.0 NAMA

Nama sebenar ulama ini ialah Haji Abu Bakar bin Haji Hanafiah bin Haji Taib bin Haji Ismail bin Ahmad al-Qad̄hī²¹. Panggilan mesra di kalangan orang yang rapat dengan beliau ialah Pak Njang. Selain itu, Abu Bakar juga dipanggil dengan panggilan kehormatan iaitu Tok Syeikh Bakar.

Gelaran “Palestin” yang diberikan kepada Abu Bakar disebabkan beliau pernah merantau ke Palestin. Ini disebabkan pada ketika itu orang Melayu jarang dapat menjelaskan kaki ke Palestin. Di antara orang Melayu yang pergi ke Palestin

hlm. 142. Lihat juga: Abdul Rahman Haji Abdullah (1998), *op.cit.* hlm. 421. Walau bagaimanapun, Abdul Rahman tidak memasukkan senarai nama Abu Bakar dalam lampiran senarai nama Alim Ulama di Kedah.

²⁰ Mohamad Kamil Ab. Majid, (2000) *op.cit*, hlm. 66.

²¹ Abu Bakar (t.t) *Jam' al-Lālī*, manuskrip. Dicatat dengan jelas pada kulit kitab.

sezaman dengan beliau ialah Haji Sulaiman Palestin²² dan Haji Rasyid Hasyim Palestin²³

3.0 KETURUNAN

Asal usul keluarga Abu Bakar dari sebelah bapanya berasal dari Patani, Selatan Thailand.²⁴ Manakala ibunya, Hajah Zainab binti Lebai Hassan berasal dari Kwantong, China. Ibunya memeluk Islam di Tanah Melayu²⁵. Abu Bakar pernah menyebut di dalam kuliah tafaqquh beliau bahawa keturunannya berasal dari daerah Kwantong, China²⁶. Apa yang dimaksudkan oleh Abu Bakar ialah keturunan beliau dari sebelah ibunya.

Selain itu, Abu Bakar pernah menjelaskan mengenai moyangnya Haji Ismail. Katanya, “dan asal Haji Ismail bin Ahmad hijrah ia dari Kampung Kuala Belah, Patani ke Kedah; Ayer Hitam”²⁷. Manakala menurut Cik bt. Saad²⁸ iaitu anak saudara sepupu Abu Bakar, datuk kepada Abu Bakar iaitu Haji Taib berasal dari Patani, Thailand. Kemudian Haji Taib berhijrah ke Kedah iaitu ke Kampung Simpang Tiga Pasir, Merbuk, Daerah Yan, Kedah. Kemudian ayah Abu Bakar iaitu Haji Hanafiah berpindah pula ke Ayer Hitam, sebuah kampung di Daerah

²² Bekas Ahli Majlis Tertinggi UMNO.

²³ Temuramah dengan Ustaz Omar Saad pada 23 Jun 2002 di Madrasah Nurul Islam. Haji Rasyid Palestin pernah mengajar di Madrasah al-Khairiah al-Islamiah, Pokok Sena, Seberang Perai, Pulau Pinang.

²⁴ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor, isteri Abu Bakar pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

²⁵ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor, 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah. Sila lihat lampiran A. Gambar Abu Bakar, ibu dan ayah.

²⁶ Temuramah dengan Ustaz Omar bin Saad, Pengetua Sekolah Menengah Agama Nurul Islam pada 23 Jun 2002 di sekolah berkenaan.

²⁷ Abu Bakar (t.t), *Jam’ al-Lāti*, manuskrip. Tercatat pada kulit kitab tersebut.

²⁸ Temuramah dengan Cik binti Saad, anak saudara sepupu Abu Bakar pada 23 Jun 2002, di Rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

Kota Setar, Kedah. Haji Hanafiah dikatakan antara orang yang mula-mula sekali membuka kawasan Ayer Hitam.²⁹

Mengenai hubungan salasilah keturunan Abu Bakar dengan ulama-ulama Patani pula, kajian ini mendapati beliau tidak mempunyai pertalian yang dapat dihubungkan salasilah keturunannya dengan ulama-ulama di Patani³⁰ sebagaimana kebiasaan wujud salasilah kekeluargaan antara ulama-ulama Kedah dengan ulama-ulama Patani³¹. Oleh yang demikian, keturunan Abu Bakar dari kalangan orang kebanyakan.

4.0 TARIKH DAN TEMPAT LAHIR

Abu Bakar dilahirkan pada tahun 1908 di Kampung Gandai, Ayer Hitam, Mukim Jerlun, Daerah Kubang Pasu, Kedah Darul Aman. Kampung ini terletak kira-kira 20 kilometer ke utara Alor Setar. Beliau merupakan anak bongsu daripada empat orang adik beradik³². Kakaknya yang sulong, Hajah Salasiah meninggal di Makkah. Manakala dua orang lagi saudara kandungnya mati semasa kecil³³.

²⁹ Rabaiyah Juhari (2002), "Haji Abu Bakar bin Haji Hanafiah: Peranan dan Sumbangan Beliau Dalam Mengembangkan Syiar Islam di Ayer Hitam, Kedah". (Latihan Ilmiah Sarjana Muda Pengajaran Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia) hlm. 11.

³⁰ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah

³¹ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1998). "Hubungan Ulama Patani dan Kedah : Kekeluargaan, Pertalian Ilmu dan Karya" dlm. Mohd. Nor Salleh dan Abdul Halim Haji Salleh (1998), *Islam di Kedah Darul Aman, Dokumentasi : Konvensyen Sejarah Kedah Darul Aman Kedua*, Alor Setar : Majlis Kebudayaan Negeri Kedah, hlm. 95

³² *Penggerak Minda* (1995). Majalah Sekolah, Alor Setar: Madrasah Nurul Islam, Ayer Hitam, hlm. 20

³³ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor, 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

5.0 KELUARGA

Setelah pulang ke tanahair dari Palestin pada tahun 1947, Abu Bakar berkahwin dengan Hajah Zainab binti Mohd Noor pada tahun 1948 hasil pinangan Tuan Guru Haji Idris. Ketika itu Abu Bakar berusia 40 tahun³⁴ sementara isterinya Hajah Zainab berumur enam belas tahun³⁵. Mereka telah dikurniakan lima orang cahaya mata; tiga lelaki dan dua perempuan serta dua puluh empat orang cucu.

1. Asmahan lahir pada tahun 1949, anak sulung. Berkahwin dengan Ustaz Haji Zakaria bin Haji Ahmad. Mereka dikurniakan empat orang cahaya mata. Kini Ustaz Zakaria merupakan salah seorang tenaga pengajar di Pondok Ayer Hitam.
2. Haji Emran, lahir pada tahun 1951. Beliau adalah lulusan dari Universiti al-Azhar, Mesir. Kini bekerja sebagai pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa, Gombak. Beliau merupakan Pengerusi Lembaga Tadbir Sekolah Menengah Agama Nurul Islam mengantikan tempat ayahnya mulai 6 Oktober 1998 hingga sekarang.
3. Marwan, seorang akauntan. Bertugas sebagai Bendahari di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor.
4. Hannan, seorang suri rumah. Berkahwin dengan Syeikh Ghazali Abd. Rahman bekas Ketua Hakim Syar‘ie Malaysia.

³⁴ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah. Beliau mendakwa umur Abu Bakar ketika berkahwin ialah 33 tahun. Menurut kronologi sejarah hidup Abu Bakar (Lihat lampiran B) pada tahun 1941 (umur 33 tahun), Abu Bakar masih berada dan belajar di Makkah.

³⁵ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor, 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

5. Mohd. Nu'manul Basyir, anak bongsu, bekerja di Hong Kong Bank.

6.0 KEPERIBADIAN

Seperti ulama-ulama tradisional yang lain Abu Bakar dihormati kerana ilmu dan keperibadiannya. Ilmu yang dimiliki menambahkan lagi rasa *khasyyah* atau takut kepada Allah. Gabungan ilmu dan *khasyyah* inilah yang melahirkan beliau sebagai ulama pewaris nabi. Penyelidik akan menyingkap beberapa sifat fizikal dan keperibadian Abu Bakar.

Dari aspek fizikal, Abu Bakar merupakan seorang yang sederhana tinggi dan berkulit cerah. Mukanya bujur serta berjanggut. Matanya agak sempit³⁶. Tubuh badannya sederhana, tidak kurus dan tidak gemuk. Abu Bakar selalu mengenakan cara berpakaian seperti tradisi pakaian ulama tradisional iaitu memakai baju Melayu, berkain pelikat dan berserban. Namun begitu semasa mudanya iaitu dalam usia 40an (selepas berkahwin), beliau selalu memakai jubah³⁷.

Sebagai seorang yang akan menjadi ulama suatu hari nanti, Abu Bakar memiliki keperibadian yang tinggi sejak kecil lagi. Beliau bersifat cekal dan berani menghadapi cabaran. Ini terbukti sejak beliau berusia remaja. Ketika Abu Bakar berusia 16 tahun, beliau telah berangkat dengan kapal laut untuk belajar di Makkah. Ketika itu tidak ramai orang Melayu yang pergi belajar ke luar negara. Hanya segelintir ibu bapa yang sanggup menghantar anak mereka belajar ke luar

³⁶ Temuramah dengan Mohamad bin Abdullah pada 13 Oktober 2003 di rumah beliau, Jitra. Matanya yang sempit atau sepet menampakkan paras wajah keturunan China.

³⁷ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor, 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

negara. Keadaan ini disebabkan masalah kemudahan pengangkutan yang amat terbatas³⁸.

Kecekalan dan kesabaran merupakan anak kunci kejayaan bagi Abu Bakar. Dalam menuntut ilmu di rantau orang, beliau terpaksa menghadapi pelbagai dugaan yang berupa kesusaahan hidup khususnya semasa Perang Dunia Kedua (1939-1945). Semasa perang meletus, Abu Bakar terpaksa menangguhkan pengajiannya di Makkah kerana bantuan kewangan daripada keluarga tidak dapat dihantar. Abu Bakar terpaksa berpindah ke Palestin untuk bekerja di sana. Beliau mengikuti jalan darat untuk ke Palestin iaitu dengan berjalan kaki dan berbekalkan sebilah pisau untuk keselamatan diri³⁹.

Dalam perjalanan meredah padang pasir, Abu Bakar terpaksa bermalam bersama-sama dengan orang-orang Arab Badawi di perkemahan mereka. Beliau diraikan mengikut adat kebiasaan Arab Badawi. Abu Bakar dihidangkan dengan seekor kambing bakar sebagai hidangan makan malam. Keesokan harinya beliau meninjau di kawasan persekitaran kemah untuk mencari air tetapi tiada kelihatan langsung. Timbul satu persoalan dalam dirinya, selepas kambing disembelih, bagaimana mereka membersihkannya? Maka timbul perasaan “meloya” dalam dirinya mengingatkan kambing yang dihidangkan malam tadi tentulah tidak dibasuh terlebih dahulu sebelum dipanggang.⁴⁰ Pernah pada masa yang lain pula, beliau diraikan oleh Orang Badawi yang menghidangkan roti bakar kepadanya.

³⁸ Mohammad Redzuan Othman (2001), “Masjid Al-Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Masyarakat Melayu” dlm. *Jurnal Usuluddin* Bil. 13, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. hlm. 65 & 77

³⁹ Shukri Ahmad (2001), *op.cit.* hlm. 103

⁴⁰ Temubual dengan Cik bt. Saad di Pondok Ayer Hitam pada 23 Jun 2002.

Selepas selesai makan, beliau pergi melihat tempat penyediaan roti. Rupa-rupanya roti yang dihidangkan kepadanya, dibakar menggunakan najis unta⁴¹.

Selain itu, berbagai kesukaran terpaksa dihadapi oleh Abu Bakar dengan penuh ketabahan. Beliau selalu menceritakan pengalaman dan kesusahan semasa menuntut ilmu di dalam kuliah-kuliah yang beliau sampaikan. Beliau pernah tidur selama beberapa malam di padang pasir bersama orang-orang Badawi dan kambing-kambing peliharaan mereka. Kadang-kadang beliau terpaksa berjalan hanya mengikut arah kaki sahaja kerana tidak tahu tempat yang hendak dituju. Sementara itu, perjalanan di padang pasir sentiasa terdedah dengan bahaya yang berupa ancaman manusia dan serangan serigala liar yang menakutkan.

Dengan semangat yang tinggi, kecekalan dan ketabahan menghadapi ujian perjalanan, akhirnya Abu Bakar dapat juga menjejak kaki di bumi Palestin iaitu sekitar tahun 1944. Di Palestin, beliau terpaksa bekerja untuk menyara kehidupannya. Disamping itu, Abu Bakar mengambil peluang melawat beberapa tempat menarik. Antaranya salah sebuah gereja yang terbesar di sana. Untuk memasuki gereja tersebut, setiap pelawat mesti melalui sebuah pintu gereja yang agak rendah. Pintu itu sengaja dibina sedemikian rupa supaya semua pengunjung terpaksa membongkok (ruku') apabila ingin masuk ke dalam gereja, sedangkan di hadapan pintu tersebut ada sebuah palang salib yang besar. Secara tidak langsung semua orang yang memasuki gereja tersebut akan tunduk kepada salib tersebut. Oleh itu, Abu Bakar telah membuat helah untuk masuk dengan mendahuluikan punggung. Dengan itu, ia tidak membongkok kepada palang salib. Tetapi

⁴¹ Temuramah dengan Mohamad bin Abdullah pada 13 Oktober 2003 di rumah beliau, Jitra.

tindakannya gagal apabila beliau ditendang dengan kuat oleh paderi yang bertugas⁴².

Bak kata pepatah; resam padi, makin berisi makin tunduk. Itulah yang berlaku kepada Abu Bakar. Seles lebih 3 tahun berada di Palestin, beliau mengambil keputusan untuk pulang ke tanah air. Semasa sampai di kampung, beliau mengambil sikap diam dan lihat. Abu Bakar dikatakan tidak menunjukkan langsung keilmuan beliau. Pernah beliau turun dari “*balai*”⁴³ kerana tidak mahu membaca doa dalam suatu majlis perkahwinan. Beliau juga tidak bersungguh-sungguh menjawab persoalan agama yang dikemukakan kepada beliau. Keadaan ini amat merisaukan ayah beliau; Haji Hanafiah yang telah membelanjakan sekian banyak wang ringgit untuk sarahidup anaknya semasa menuntut di luar negara. Kesemua persoalan terjawab apabila seorang ulama di Ayer Hitam iaitu Haji Idris memanggil Abu Bakar untuk berbual dan menguji secara tidak langsung keilmuan yang dimiliki oleh beliau. Haji Idris ialah Tuan Guru Pondok Ayer Hitam ketika itu. Selepas pertemuan itu, Tuan Guru Haji Idris memberitahu Haji Hanafiah (bapa Abu Bakar) bahawa anaknya memiliki “lautan ilmu”⁴⁴.

Sifat tawadu’ yang sentiasa menghiasi diri Abu Bakar tidak dapat menyembunyikan kehebatan ilmu yang dimilikinya. Pernah pada suatu ketika, seorang jemaah haji yang baru pulang dari Makkah iaitu Haji Mustafa telah membawa dua buah kitab hasil karya ulama Melayu di sana untuk disampaikan

⁴² Temuramah dengan Haji Mahyuddin b. Ahmad, 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah.

⁴³ Binaan kayu sementara yang ringkas sempena majlis perkahwinan. Di situ lah tempat diadakan majlis bacaan berzanji dan tahlil.

⁴⁴ Temuramah dengan Haji Mahyuddin b. Ahmad pada 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah.

kepada Abu Bakar. Tujuan kitab itu dihantar ialah untuk ditashihkan⁴⁵ oleh Abu Bakar. Cerita itu akhirnya diketahui oleh orang ramai. Maka gahlah kawasan Ayer Hitam dengan ketokohan dan keilmuan Abu Bakar⁴⁶. Pernah pada masa yang lain pula, Syeikh Abd. Qadir di Makkah⁴⁷ telah menghantar sebuah kitab melalui Haji Ahmad b. Hasyim untuk ditashihkan juga oleh Abu Bakar⁴⁸. Dengan itu terserlah lagi keintelektualan Abu Bakar sehingga mendapat pengiktirafan daripada para ulama Nusantara di Tanah Arab⁴⁹.

Semasa hayatnya, Abu Bakar telah menghiasi dirinya dengan keperibadian yang mulia, mencerminkan keperibadian seorang ulama yang ‘āmilīn. Beliau amat menekankan keikhlasan dalam beribadat dan menuntut ilmu. Dalam usaha menyebarkan ilmu Allah, beliau tidak pernah mengharapkan ganjaran dunia. Penyebaran ilmu yang dilakukan oleh beliau adalah semata-mata mencari keredhaan Allah. Beliau tidak menerima saguhati yang diberikan kepadanya selepas sesuatu kuliah kerana prinsip beliau ialah menyebarkan ilmu kerana Allah semata-mata.⁵⁰

Dalam menyemai sifat ikhlas kepada anak muridnya, beliau menegah mereka daripada membawa “biji tasbih” untuk mengira jumlah zikir kerana dikhawatir boleh mendatangkan penyakit riya’. Beliau pernah mengambil dan mengeluarkan

⁴⁵ Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), op.cit, hlm. 1382. Mengaku atau mengesahkan sesuatu itu benar. Pengesahan benar sesebuah kitab.

⁴⁶ Temubual dengan Haji Mahyuddin b. Ahmad pada 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah.

⁴⁷ Kamus Inggeris Melayu Dewan (1992), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 947. Ada dua ejaan yang digunakan iaitu Mekah atau Makkah. Dalam penulisan disertasi ini penyelidik akan menggunakan ejaan Makkah.

⁴⁸ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor, pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

⁴⁹ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor, pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

⁵⁰ Rabaiyah Juhari (2002), op.cit, hlm.10

“biji tasbih” yang biasanya di gantung pada tiang dan dinding surau⁵¹. Lantaran itu anak murid beliau tidak lagi menggunakan “biji tasbih” untuk membilang zikir sebaliknya mereka membilangnya dengan jari.

Dalam menjaga kebersihan hati dalam beribadat daripada dicemari dengan sifat riya’, Abu Bakar amat tidak menggalakkan anak muridnya sembahyang sunat rawatib di surau sebaliknya beliau menggalakkan mereka bersembahyang sunat di rumah. Semua itu adalah untuk menjaga hati daripada dihinggapi penyakit riya’ yang akan membatakan segala amalan kebaikan.⁵² Abu Bakar sendiri dikatakan tidak pernah berzikir di surau sebaliknya beliau lakukan di rumah beliau secara sendirian⁵³.

Disamping itu, sifat zuhud amat ketara dalam kehidupan Abu Bakar. Sungguhpun Abu Bakar boleh digolongkan dari kalangan orang yang berada, namun beliau tidak begitu menghiraukankekayaan yang dimilikinya. Kehidupannya adalah ala kadar sahaja. Beliau juga dikatakan tidak mengambil kisah mengenai pakaian⁵⁴. Dua helai baju sudah mencukupi bagi beliau. Biasanya beliau memakai satu helai baju untuk tempoh selama empat tahun. Beliau memakai pakaian yang dibuatkan orang untuknya.

Abu Bakar juga tidak memiliki kereta atau motosikal. Apabila beliau ingin kesesuatu tempat, beliau akan meminta anak muridnya untuk menghantarnya sama

⁵¹ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor, pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

⁵² Temuramah dengan Haji Mahyuddin bin Ahmad, 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah.

⁵³ Temuramah dengan Mohamad bin Abdullah pada 13 Oktober 2003 di rumah beliau, Jitra

⁵⁴ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor, pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah. Tukang jahit beliau bernama Abas yang membuka kedai jahit di Bangunan Ukir, Alor Setar.

ada dengan kereta ataupun motosikal. Beliau tidak suka keluar rumah kecuali dalam keadaan perlu bahkan beliau dikatakan jarang sekali pergi ke kedai atau ke pasar untuk membeli barang keperluan harian. Segala urusan rumahtangga diuruskan oleh isteri beliau. Selain itu, Abu Bakar juga dikatakan tidak pernah makan atau minum di warung ataupun restoran. Beliau makan makanan yang dihidangkan oleh isterinya. Antara makanan kegemaran beliau ialah nasi bersama kari, sambal serta sayur. Beliau juga amat gemar pulut dengan kari ayam. Walau bagaimanapun, beliau tidak makan kari kepala ikan. Manakala buah yang paling digemari sekali hingga akhir hayat beliau ialah buah durian⁵⁵.

Sifat zuhud yang telah lama menguasai diri dan kehidupannya menyebabkan kesenangan dunia tidak dapat menggodanya. Abu Bakar mengandangkan sifat zuhud dengan sifat pemurah. Beliau mudah menafkahkan hartanya di jalan Allah. Bahkan Abu Bakar telah mewakafkan sebidang tanahnya seluas 6 relung atau 5 ekar sebagai tapak untuk mendirikan pondok dan juga Madrasah Nurul Islam, Ayer Hitam.

Betapa dunia tidak dapat mempengaruhi kehidupannya sehingga Abu Bakar tidak menerima zakat yang diberikan oleh masyarakat sekitar kepadanya setelah beliau menerima harta pusaka⁵⁶ daripada ayahnya⁵⁷. Bagi beliau zakat itu lebih diperlukan oleh orang lain dan beliau bukanlah orang yang susah ataupun miskin.

⁵⁵ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

⁵⁶ Temuramah dengan Hajah Zainab pada 20 Oktober 2002. Beliau menafikan dengan keras berita yang masyhur mengatakan Abu Bakar memiliki tanah pusaka dari ayahnya lebih daripada seratus relung atau 60 ekar. Sebaliknya Hajah Zainab menegaskan Abu Bakar hanya menerima pusaka sebanyak 40 relung sahaja.

⁵⁷ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

Oleh itu, beliau hanya menerima pemberian berbentuk “hadiah” dan bukannya zakat⁵⁸ kerana hadiah adalah layak diterima oleh orang kaya atau berada.

Sebagai seorang ulama yang zuhud dan warak, Abu Bakar sentiasa melakukan amal ibadat sunat untuk mendekatkan diri kepada Allah. Beliau melazimi dirinya dengan berpuasa pada hari Isnin dan Khamis⁵⁹. Namun begitu, Abu Bakar tidak bersetuju dengan amalan sesetengah orang yang berpuasa sunat selama 3 bulan berturut-turut pada bulan Rejab, Syaaban dan Ramadan. Bagi beliau puasa tersebut tidak ada syarak sebaliknya puasa yang paling baik bagi beliau adalah puasa Nabi Daud iaitu berpuasa sehari dan berbuka sehari⁶⁰.

Dalam usaha mendidik anak muridnya, Abu Bakar banyak menggunakan pendekatan berhikmah. Begitu juga dalam menangani permasalahan anak muridnya. Beliau mengajar dan mendidik anak muridnya berdasarkan kemampuan ilmu dan amalan muridnya. Abu Bakar tidak memberikan sesuatu wirid atau doa kecuali setelah mengambil kira kemampuan murid tersebut. Pernah suatu ketika seorang muridnya meminta beliau menulis suatu wirid untuk diamalkan. Namun apa yang ditulis oleh Abu Bakar ialah, “Sila qada solat dahulu” kerana beliau mengetahui anak muridnya itu belum menyelesaikan perkara fardu atau wajib. Pernah suatu ketika yang lain pula, seorang muridnya

⁵⁸ Temuramah dengan Haji Mahyuddin b. Ahmad pada 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam.

⁵⁹ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor, pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah. Menurut Hajah Zainab, apabila berpuasa Abu Bakar banyak mendiamkan diri kerana bagi beliau bercakap boleh membazirkan puasa. Demikianlah pula beliau tidak akan pergi sama sekali kesuatu kenduri jika berpuasa, kerana ia akan mendedahkan puasa kepada orang ramai. Perbuatan mendedahkan puasa bagi beliau seolah-olah “menjaja puasa” dan mungkin timbul perasaan riya’ dan mengurangkan keikhlasan dalam beribadat.

⁶⁰ Temubual dengan Haji Mahyuddin bin Ahmad, 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah.

meminta suatu wirid, lalu diberikannya dengan mudah. Itulah kebijaksanaan beliau dalam mendidik anak muridnya.⁶¹

Selain menghiasi dirinya dengan sifat zuhud dan wara', Abu Bakar juga selalu melakukan uzlah bertujuan membersihkan diri disamping berkarya. Beliau selalu beruzlah ke Pulau Langkawi. Tambahan pula beliau mempunyai sebidang tanah dan sebuah rumah di sana⁶². Setiap tahun beliau akan beruzlah ke Pulau Langkawi untuk memberi tumpuan pada mengarang. Biasanya beliau beruzlah selama sebulan atau lebih. Apabila pulang dari beruzlah, beberapa buah kitab dibawa pulang sebagai hasil kerjanya⁶³.

Sebagai seorang ulama yang amat menyintai ilmu dan banyak pula berkarya, Abu Bakar telah mewakafkan seluruh hidupnya untuk menimba ilmu, mengajar, menulis dan beribadat. Kehidupan hariannya sentiasa dilingkungi oleh lingkaran kitab. Bahkan beliau selalu tertidur dengan kitab berada di atas dadanya⁶⁴. Kitab-kitab adalah harta kesayangan beliau⁶⁵ sehingga di rumah beliau ada sebuah bilik seolah Mini Perpustakaan yang menjadi tempat untuk beliau membuat rujukan dan juga menulis. Disitulah kebanyakan masa beliau dihabiskan.⁶⁶

⁶¹ Temuramah dengan Haji Mahyuddin b. Ahmad, 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah.

⁶² Temuramah dengan Mohamad bin Abdullah, 13 Oktober 2003 di rumah beliau, Jitra.

⁶³ Temubual dengan Haji Mahyuddin b. Ahmad, 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah.

⁶⁴ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor, 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

⁶⁵ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor, 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah. Menurut Hajah Zainab, kitab-kitab tersebut dibeli oleh Abu Bakar di kedai buku yang terdapat di Pekan Rabu, Alor Setar. Sebahagian besar adalah kitab-kitab yang dibeli oleh anak beliau Ustaz Emran yang suatu masa dahulu menuntut di Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir.

⁶⁶ Temubual dengan Haji Mahyuddin b. Ahmad, 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah.

Sebenarnya banyak lagi keperibadian mulia yang dimiliki oleh Abu Bakar sesuai dengan taraf keilmuannya. Apa yang dicatatkan di sini sekadar menjelaskan beberapa sifat keperibadian beliau yang mulia. Kajian lanjut dan khusus tentang sejarah dan kehidupan atau biografi beliau perlu dilakukan oleh para pengkaji akan datang.

7.0 LATARBELAKANG PENDIDIKAN DAN PENGALAMAN

Secara tradisinya orang-orang Melayu akan menghantar anaknya untuk belajar al-Qur'an sebelum didedahkan dengan ilmu-ilmu yang lain. Begitulah juga dengan Abu Bakar yang memulakan pengajian al-Qur'an semasa kecil dengan berguru kepada Haji Abdullah b. Haji Seman iaitu bapa saudara isteri beliau⁶⁷. Ketika berumur 13 tahun iaitu pada tahun 1921, Abu Bakar memulakan pengajian formal selama 3 tahun di Sekolah Kebangsaan Ayer Hitam. Kemudian pada tahun 1924, ayah beliau telah menghantar Abu Bakar untuk melanjutkan pelajaran agama di Makkah⁶⁸. Kebiasaan orang Kedah pada masa itu terlebih dahulu memondok dibeberapa Pondok Pengajian di Patani sebelum melanjutkan pelajaran keislaman ke Makkah⁶⁹. Ini kerana Patani terkenal dengan pondok-pondok pengajian disamping ia merupakan daerah yang paling hampir dengan Kedah. Namun begitu, Abu Bakar tidak melalui proses memondok di Patani.

⁶⁷ Temurah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

⁶⁸ Kebanyakan orang Melayu pada ketika itu beranggapan bahawa tempat terbaik untuk menuntut ilmu hanyalah di Makkah (Masjid al-Haram), Madinah atau di Mesir sahaja. Lihat : Adnan Hj. Nawang (1998), *Za'ba dan Melayu*, Kuala Lumpur: Berita Publishing, hlm. 76

⁶⁹ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1998). *op.cit*, hlm. 99

Beliau berangkat ke Makkah untuk menuntut ilmu dengan menaiki kapal⁷⁰. Pada masa itu sistem pengangkutan laut semakin mudah. Ramai juga belia-belia Melayu pergi menunaikan haji dan seterusnya tinggal di Makkah untuk melanjutkan pengajian⁷¹. Abu Bakar belajar di Makkah selama 20 tahun (1924-1944). Pusat pengajian beliau ialah di dalam Masjid al-Haram⁷² dan rumah-rumah ulama di sekitar Makkah.

Semasa Perang Dunia Kedua (1939-1945), Abu Bakar terpaksa keluar dari Makkah kerana kesempitan hidup akibat perang. Bantuan kewangan daripada keluarga pula tidak sampai kerana perang sedang meletus.⁷³ Tambahan pula bekalan makanan amat berkurangan. Oleh itu pada tahun 1944 M./1363 H. beliau nekad untuk ke Palestin dengan tujuan mencari pekerjaan di sana⁷⁴.

Di Palestin Abu Bakar mencuba beberapa pekerjaan. Antaranya sebagai pencuci pakaian (dobi) dan bekerja di kilang kimia memproses “garam” untuk dijadikan peledak atau racun⁷⁵. Abu Bakar juga pernah bekerja sebagai tukang masak untuk pasukan polis Palestin. Walau bagaimanapun beliau hanya dapat bertahan selama sebulan sahaja disebabkan layanan kasar pihak polis Palestin. Selepas itu beliau bekerja pula di kilang membuat bahan letupan selama satu tahun setengah.⁷⁶

⁷⁰ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Air Hitam, Kedah.

⁷¹ Mohammad Redzuan Othman (2001), *op.cit*. hlm. 77

⁷² *Penggerak Minda* (1995), *op.cit*, hlm. 20.

⁷³ Temubual dengan Cik bt. Saad dirumahnya pada 23 jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah.

⁷⁴ Menurut catatan Abu Bakar sendiri, sewaktu Perang Dunia Kedua sedang meletus, beliau masih menetap di Quds al-Syarif. Abu Bakar (t.t), *Tawdīh al-Afḥām bi Syarḥ Aqīdat al-‘Awām*, t.p. hlm. 107-108.

⁷⁵ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Air Hitam, Kedah.

⁷⁶ *Penggerak Minda* (1995), *op.cit*, hlm. 20

Banyak pengalaman baru yang tidak diperolehi di Makkah dialami oleh beliau di Palestin⁷⁷. Abu Bakar pernah tinggal serumah dengan seorang pemuda Kristian untuk sekian lama. Pemuda tersebut tidak pernah menzahirkan identitinya sebagai seorang kristian sehingga Abu Bakar pernah sembahyang berjamaah berimamkan pemuda kristian tersebut. Apabila tiba masanya untuk berpisah, pemuda tersebut menjelaskan identitinya yang sebenar.

Abu Bakar menetap di Palestin selama tiga tahun satu bulan. Setelah tamat Perang Dunia Kedua iaitu pada tahun 1947, beliau mengambil keputusan untuk pulang ke tanahair. Menurut catatan beliau sendiri:

Bermula tarikh masuk saya negeri Palestin pada bulan Safar tahun 1363 hijrah [1944 M] dan tarikh keluar daripadanya pulang ke negeri pada bulan Rabiul awal tahun 1366 [1947M] dengan penerangan B.O.A.C.⁷⁸

Tempoh masa Abu Bakar berada di Makkah dan Palestin ialah selama lebih 23 tahun iaitu 20 tahun di Makkah dan 3 tahun di Palestin⁷⁹. Disebabkan terlalu lama tinggal di luar negara, Abu Bakar tidak begitu fasih berbahasa Melayu ketika mula menjelak kaki di tanahair.⁸⁰ Beliau pulang dengan ilmu di dada untuk disebarluaskan kepada masyarakat.

⁷⁷ Abu Bakar pernah menceritakan kejadian alam yang pelik. Katanya “ Ditepi kota Bait al-Muqaddis dekat “Bab al-‘Amūd” [ada] sebuah pintu gua di dalamnya air macam laut., seolah-olah Bandar Bait al-Muqaddis di atas air kerana kalau dilihat dalam gua itu air tidak tempat [nampak] di mana tebingnya kerana luasnya”. juga menceritakan, “dan dekat Tasik Lut a.s. [Laut Mati] satu tempat lebih kurang setengah batu persegi [terdapat] batu menyala [bernyala] sekira-kira batu boleh memasak apa yang hendak dimasaknya”. Lihat , Abu Bakar (t.t) *al-Faṭḥ al-Rabbānī*, manuskrip, hlm. 58

⁷⁸ Abu Bakar (t.t) *ibid*, hlm. 58

⁷⁹ Rujuk lampiran A. Kronologi Kehidupan Abu Bakar (1908-1998)

⁸⁰ Temubual dengan Cik bt. Saad pada 23 jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah.

8.0 MEMBUKA PONDOK DAN MADRASAH NURUL ISLAM

Setelah pulang ke tanahair pada tahun 1947, Abu Bakar menetap di Pekan Ayer Hitam Lama. Beliau memulakan kelas-kelas pengajian di rumah beliau sendiri⁸¹. Kemudian Abu Bakar diminta oleh Tuan Guru Haji Idris untuk mengajar di pondok beliau di Ayer Hitam⁸². Pada peringkat awal Abu Bakar berulang alik dari rumah beliau di Pekan Ayer Hitam ke Pondok Haji Idris. Beliau mengajar di situ bersama dengan Haji Ismail iaitu anak Tuan Guru Haji Idris⁸³ selama 2 tahun.⁸⁴ Pada tahun 1951, Abu Bakar berpindah dari rumah beliau di Pekan Ayer Hitam Lama dan tinggal di Pondok Haji Idris. Ketika itu beliau sudah mempunyai 2 orang cahaya mata iaitu Asmahan (1949) dan Emran (1951).⁸⁵

Tidak lama selepas itu, pondok Haji Idris ditutup. Ekoran daripada itu Abu Bakar mengambil inisiatif untuk membuka pondok⁸⁶ sendiri di atas sebidang tanah pusaka miliknya bersebelahan dengan Pondok Haji Idris.⁸⁷ Pondok itu dikenali

⁸¹ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

⁸² Pondok pertama diperlukan ditubuhkan di Negeri Kedah ialah di Kampung Pulau Pisang, Jitra dalam daerah Kubang Pasu. Sistem pengajian pondok ini diperlukan diasaskan oleh Tuan Guru Haji Ishak pada 1840-an. Beliau adalah murid Syeikh Daud al-Fatani. Lihat: Zahidi Dato' Haji Zainal Rasyid (1998). "Sejarah Sekolah Pondok di Kedah" dlm. Mohd. Nor Salleh dan Abdul Halim Haji Salleh (1998), *Islam di Kedah Darul Aman, Dokumentasi : Konvensyen Sejarah Kedah Darul Aman Kedua*, Alor Setar : Majlis Kebudayaan Negeri Kedah, hlm. 109

⁸³ Temuramah dengan Hajah Rahmah bt. Haji Amin, 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam. *Pengerak Minda (1995)*, op.cit, hlm. 20

⁸⁴ Temuramah dengan Cik bt. Saad pada 23 jun 2002 di Pondok Ayer Hitam.

⁸⁵ Pekerjaan masyarakat Ayer Hitam ialah petani. Mereka mengusahakan pertanian padi. Pekerjaan menanam padi tidak memerlukan masa yang banyak. Ini membolehkan pesawah menggunakan masa lapang mereka untuk mempelajari ilmu agama daripada para ulama. Sebab itu pondok banyak wujud di kawasan sawah padi berbanding dengan kawasan pertanian lain atau kawasan nelayan. Pekerjaan tersebut memerlukan petani atau nelayan bekerja hampir setiap hari. Hal ini berbeza dengan pesawah yang hanya sebok mengusahakan sawah pada musim menyediakan tapak semai dan menanam padi sahaja. Semasa padi sedang membesar, pesawah mempunyai masa lapang yang banyak. Mereka boleh mendampingi Tok Guru dan memondok di situ. Lihat: Muhammad Abu Bakar (1991), *op.cit*, hlm. 63.

⁸⁷ Temuramah dengan Hajah Rahmah bt. Haji Amin, 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah.

sebagai Pondok Ayer Hitam. Ketika itu Abu Bakar sudahpun mempunyai 4 orang cahaya mata⁸⁸.

Menurut Abdul Samad⁸⁹, Pondok Ayer Hitam dibuka selepas zaman Jepun atau lebih tepat lagi selepas Perang Dunia Kedua (1939-1945)⁹⁰. Sementara Shukri mengatakan Pondok Ayer Hitam dibuka lebih lewat dari itu iaitu pada tahun 1951⁹¹. Pada mulanya hanya terdapat 30 buah pondok sahaja. Kemudian jumlah murid yang datang belajar telah meningkat dengan ramai. Semasa zaman kegemilangan Pondok Ayer Hitam pernah menerima sekitar 300-500 pelajar⁹². Pada tahun 1998 iaitu tahun kematian Abu Bakar, penghuni Pondok Ayer Hitam dianggarkan seramai 420 orang dengan pondok melebihi 300 buah⁹³.

Selaras merdeka, khususnya selepas laporan Penyata Razak (1956) dan Penyata Rahman Talib (1960) dan seterusnya penggubalan sistem Pendidikan Kebangsaan, peranan pondok dan madrasah sebagai pemangkin sistem pendidikan orang Melayu mula berkurangan⁹⁴. Kesan ini amat ketara pada sistem pondok atau *umumi*. Ibu bapa mula melihat kepada pendidikan alternatif yang turut memberikan penekanan kepada pelajaran akademik. Mereka mula mengalih arah

⁸⁸ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

⁸⁹ Antara murid yang paling awal berguru dengan Abu Bakar di Pondok Ayer Hitam, Kedah.

⁹⁰ Terdapat dua versi tahun Pondok Ayer Hitam dibuka. Menurut Shukri Ahmad pada 1951. Lihat: Shukri Ahmad (2002), *op.cit*, hlm. 165. Manakala menurut isteri Abu Bakar, Hajah Zainab Mohd Noor, pondok dibuka selepas Abu Bakar mempunyai 4 orang cahaya mata iaitu Asmahan (1949), Imran (1951), Marwan dan Hannan. Jika maklumat ini diterima bererti Pondok Ayer Hitam dibuka beberapa tahun selepas tahun 1951. Pengkaji lebih memilih rekod Shukri kerana maklumat daripada Hajah Zainab adalah berdasarkan ingatan sahaja. Beberapa maklumat sebelum ini didapati bercanggah dengan kronologi kehidupan Abu Bakar khususnya tarikh perkahwinan. Rujuk Kronologi Kehidupan Abu Bakar. Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

⁹¹ Shukri Ahmad (2001), *op.cit*, hlm. 103

⁹² Shukri Ahmad (2001), *ibid*, hlm. 103

⁹³ Temuramah dengan Haji Mahyuddin bin Ahmad, 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah.

⁹⁴ Shukri Ahmad (2002), *op.cit*, hlm. 7.

persekolahan anak-anak mereka dari sistem pondok kepada sistem alternatif yang memasukkan mata pelajaran akademik ke dalam silabus pengajian. Sistem ini dikenali dengan Sistem *Nizami* atau persekolahan.

Perkembangan sistem pengajian pada abad ke-20 di Tanah Melayu khususnya setelah merdeka, menyebabkan kebanyakan tokoh ulama tradisional terpaksa menukar sistem ‘*umumi* kepada sistem *nizāmi* atau sekurang-kurangnya menubuhkan kedua-dua sistem tersebut secara serentak. Abu Bakar berada dalam situasi ini⁹⁵. Oleh itu, Abu Bakar kemudiannya mengasaskan Madrasah Nurul Islam pada tahun 1958 untuk memenuhi keperluan masyarakat ketika itu⁹⁶. Abu Bakar bersama Tuan Haji Samad bin Lebai Ismail⁹⁷, Haji Saad bin Md. Nor, Tuan Haji Syafie bin Salleh serta Tuan Haji Ismail bin Abdullah telah bermuafakat untuk menubuhkan sebuah sekolah agama atau madrasah⁹⁸ sebagai suatu alternatif kepada sistem pondok.⁹⁹ Turut serta menubuhkan madrasah tersebut ialah Haji Mustafa bin Saad (Bukit Besar) dan Hajah Zainab (isteri Abu Bakar). Mereka adalah antara orang yang terlibat secara langsung menubuhkan Madrasah Nurul Islam. Haji Ismail bin Abdullah (Tanjung Bedil) adalah perancang utama penubuhan madrasah tersebut¹⁰⁰.

⁹⁵ Shukri Ahmad (2002), *ibid*, hlm. 165

⁹⁶ Di Kedah pada tahun 1969 terdapat 60 buah pondok. Pada tahun 1970-an hanya tinggal sekitar 30 buah sahaja. Kemudian pada tahun 1997 hanya tinggal 21 buah sahaja. Itu pun sebahagian besar pondok tanpa Tok Guru disebabkan kematian dan tiada pengganti. Lihat : *ibid*, hlm. 166

⁹⁷ Anak murid tua yang paling kanan. Beliau merupakan salah seorang guru / Tuan Guru yang mengajar di Pondok Ayer Hitam setelah kematian Abu Bakar.

⁹⁸ Sistem Madrasah [*Nizami*] lebih bersifat maju dan moden jika dibandingkan dengan sistem pondok [*Umumi*] dari segi kurikulum dan pentadbirannya. Lihat: Adnan Hj. Nawang (1998), *op.cit*, hlm. 101.

⁹⁹ *Penggerak Minda* (1995), *op.cit*, hlm. 20.

¹⁰⁰ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

Semasa penubuhan madrasah tersebut, Abu Bakar bertindak sebagai Pengerusi Lembaga Tadbir Madrasah Nurul Islam yang pertama. Beliau terus memegang jawatan tersebut sehingga beliau meninggal pada 6 Oktober 1998. Manakala Tuan Haji Samad bin Lebai Ismail pula dilantik sebagai Naib Pengerusi. Namun begitu, Abu Bakar tidak begitu berminat dengan sistem “*nizāmi*” atau madrasah¹⁰¹. Oleh itu, beliau banyak menyerahkan pentadbiran sekolah kepada Jawatankuasa Pengelola. Abu Bakar lebih bersifat sebagai penasihat madrasah. Beliau sebaliknya memberi penumpuan kepada sistem pengajian pondok atau “*umūmi*”.

Madrasah Nurul Islam memulakan pengajian dengan 2 orang tenaga pengajar dan 40 orang murid perempuan¹⁰². Kemudian pada tahun 1964 pelajar lelaki pula mula dibenarkan belajar di madrasah berkenaan¹⁰³. Mulai tahun 1969, Madrasah Nurul Islam diletakkan di bawah pengawasan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAINK). Pada tahun 1977, Madrasah Nurul Islam mula menawarkan pengajian berbentuk persijilan iaitu Sijil Rendah Pelajaran (SRP) seterusnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Madrasah ini hanya pernah menawarkan sekali sahaja Sijil Tinggi Persekolahan (STPM) iaitu pada tahun 1989. Disebabkan masalah kekurangan pelajar, guru dan bilik darjah, STPM tidak lagi ditawarkan selepas itu.¹⁰⁴ Selain menawarkan sijil-sijil yang dikendalikan oleh kerajaan, Madrasah

¹⁰¹ Menurut Hajah Zainab, Abu Bakar tidak suka untuk mentadbir madrasah disebabkan beberapa karenah guru yang tidak disengani oleh beliau berkaitan masalah disiplin dan keperibadian. Walau bagaimanapun beliau banyak membantu untuk mendapatkan tenaga pengajar ataupun guru.

¹⁰² Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah. Menurut beliau, 2 tahun selepas pengambilan pelajar perempuan, Madrasah Nurul Islam membuka pula pengambilan pelajar lelaki iaitu tahun 1960.

¹⁰³ Ahmad Naim bin Jusoh (1998-1999), “Madrasah Nurul Islam, Air Hitam, Kedah. Peranan dan sumbangannya terhadap Perkembangan Syiar Islam Di Negeri Kedah”. (Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian dakwah dan kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM). hlm. 11

¹⁰⁴ *ibid*, hlm. 15

Nurul Islam juga menawarkan Sijil Empat Thanawi. Sijil ini diiktiraf oleh universiti di Timur Tengah termasuk Universiti al-Azhar di Mesir¹⁰⁵.

Abu Bakar tidak memainkan peranan secara aktif dalam sistem madrasah sebaliknya banyak memberi penumpuan kepada sistem pondok. Namun begitu, beliau pernah sekali sekala mengajar di madrasah berkenaan sebagai guru ganti¹⁰⁶. Selain itu, Abu Bakar juga pernah mengadakan kelas Bahasa Arab secara tidak formal di surau pondok kepada pelajar-pelajar Madrasah Nurul Islam¹⁰⁷ bagi membantu pihak madrasah memantapkan penguasaan Bahasa Arab dikalangan pelajar madrasah.

Abu Bakar secara peribadi lebih cenderung untuk mengekalkan sistem pengajian pondok secara “*umumi*” ataupun sistem menadah kitab¹⁰⁸. Disebabkan berlaku perubahan dalam sistem pendidikan di Malaysia khususnya selepas merdeka, sistem pengajian pondok terpaksa berkompromi dengan sistem pendidikan madrasah kerana permintaan yang tinggi daripada masyarakat setempat kepada sistem tersebut.

Sungguhpun Abu Bakar menerima sistem madrasah, namun kecintaan beliau untuk mempertahankan sistem pengajian pondok amat tinggi. Ini dapat dilihat apabila beliau menolak tawaran jawatan kadi¹⁰⁹ kerana hasratnya yang tinggi

¹⁰⁵ Temuramah dengan Mohamad bin Abdullah pada 13 Oktober 2003 di rumah beliau, Jitra.

¹⁰⁶ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

¹⁰⁷ Temuramah dengan Mohamad bin Abdullah pada 13 Oktober 2003 di rumah beliau, Jitra

¹⁰⁸ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

¹⁰⁹ Menurut Shukri Ahmad, Abu Bakar pernah ditawarkan oleh Syeikh al-Islam Kedah, Wan Sulaiman b. Wan Siddiq untuk menjadi kadi di Daerah Sik, Kedah. Lihat: Shukri Ahmad (2001), *op.cit*, hlm. 103

untuk membuka pondok dan menyebarluaskan ilmu-ilmu Islam. Walau bagaimanapun, Abu Bakar menunjukkan sifat keterbukaannya apabila menerima sistem madrasah walaupun beliau terdidik dengan sistem “*umūmi*” dalam tempoh yang agak lama.

9.0 KULIAH TAFAQQUH

Abu Bakar memberikan seluruh kehidupannya kepada ilmu. Beliau mengajar, mentelaah dan mengarang kitab. Tiada bayaran dikenakan diatas ilmu yang disampaikan bahkan beliau tidak menerima zakat. Abu Bakar tidak perlu bekerja¹¹⁰ mencari nafkah kerana harta pusaka tinggalan arwah ayahnya lebih daripada mencukupi untuk menyara keluarganya. Beliau mewarisi tanah sawah yang luas. Hasil pendapatan beliau adalah melalui sewaan tanah sawah.

Kuliah yang menjadi kelaziman bagi Abu Bakar ialah kuliah Maghrib, Isyak dan kuliah Subuh¹¹¹. Masanya adalah selepas solat. Tempatnya pula di surau pondok yang letak berdekatan dengan rumah beliau. Antara pelajaran yang diajar ialah tauhid, fekah, tasawuf, hadith, tafsir dan sirah. Walau bagaimanapun, *Tafsir Nūr al-Ihsān* merupakan kitab yang selalu diulang-ulang oleh beliau. Selepas tamat akan diulang untuk kali seterusnya.¹¹²

¹¹⁰ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah. Menurut beliau, Abu Bakar pernah mengusahakan tanah sawah seluas 6 ekar tetapi kebanyakannya diusahakan oleh anak murid beliau. Tradisi orang Melayu menghormati Tuan Guru dan mereka sentiasa bersedia membantu pada bila-bila masa. Menolong Tuan Guru diyakini akan mendapat keberkatan.

¹¹¹ Temuramah dengan Mohamad bin Abdullah pada 13 Oktober 2003 di rumah beliau, Jitra

¹¹² Temuramah dengan Haji Mahyudin bin Ahmad, 23 Jun 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam.

Abu Bakar biasanya membaca kitab jawi untuk kuliah umumnya. Ini disebabkan kebanyakan muridnya tidak dapat memahami kitab dalam Bahasa Arab. Beliau menggunakan kitab Arab untuk kuliah khusus bagi golongan ulama seperti ustaz, tuan kadi dan mufti. Biasanya kuliah tersebut diadakan pada hari Ahad dari jam 8.00 malam hingga 10.30 malam. Antara kitab yang digunakan ialah *Muwaṭṭa'* karangan Imam Malik. Sementara itu pada hari Selasa dan Sabtu, pada masa yang sama (8.00 – 10.30 malam) diadakan kuliah untuk orang awam yang tidak tinggal di luar pondok¹¹³. Murid-muridnya ada yang datang dari Alor Setar, Jitra, Kodiang termasuk juga dari Negeri Perlis.¹¹⁴ Bahkan Abu Bakar juga pernah dijemput untuk mengajar di Burma¹¹⁵. Beliau telah menunaikan hajat mereka.

Abu Bakar memilih beberapa buah kitab untuk dijadikan teks dalam kuliah beliau. Bagi pelajaran akidah beliau menggunakan kitab *Aqīdat al-Tahāwīyyah*, *Aqīdat al-Nājīn*, dan lainnya. Bagi Fekah kitab *Taqrīb*, *Fatḥ al-Qarīb*, *Fatḥ al-Muīn*, *Sulām al-Taufiq*, *Ibādat al-Nājīn* dan lainnya. Bagi Tasawuf pula kitab *al-Hikām*, *Irsyād al-'Ibād*, *Minhāj al-'Ābidīn*, *Sīrū al-Sālikīn*, *Tambīh al-Ghāfiłīn* dan lain-lain. Bagi tafsir al-Qur'an, beliau selalu membaca *Tafsir Nūr al-İhsān* (4 jilid), *Tafsir al-Bayḍāwī* dan *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Bagi Hadith pula kitab *Muwaṭṭa'*, *Miṣbāh al-Zolām* dan lain-lain. Manakala bagi tajwid pula *Sirāj al-Qāri* dan *Hidāyat al-Mustafid*. Beliau juga membacakan kitab *al-Adhkār* Imam Nawawi.¹¹⁶ Selain itu, beliau juga membaca kitab-kitab karangannya sendiri.

¹¹³ Temuramah dengan Mohamad bin Abdullah pada 13 Oktober 2003 di rumah beliau, Jitra.

¹¹⁴ Temuramah dengan Haji Mahyudin bin Ahmad, 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah.

¹¹⁵ Temuramah dengan Mohamad bin Abdullah pada 13 Oktober 2003 di rumah beliau, Jitra. Abu Bakar menyatakan di Burma atau Myanmar terdapat sebuah perkampungan orang Kedah. Mereka adalah bekas buruh paksa Keretapi Maut Tentera Jepun. Bahasa yang digunakan oleh masyarakat ini adalah Bahasa Kedah sebelum merdeka.

¹¹⁶ Temuramah dengan Haji Mahyudin bin Ahmad, 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah..

Demikianlah sebahagian daripada kelas pengajian tafaqquh Abu Bakar yang diadakan di pondok beliau secara konsisten. Disamping itu, beliau juga mengadakan kuliah di luar kawasan pondok iaitu bagi kawasan sekitarnya. Malah Abu Bakar pernah mengadakan kuliah tafaqquh di Burma. Menurut Abu Bakar, ada perkampungan orang Kedah di sana¹¹⁷. Dapat ditegaskan, Abu Bakar tidak pernah mengenal jemu dan penat dalam menyebarkan ilmu yang dianugerahkan Allah kepadanya.

10.0 PENGLIBATAN DALAM POLITIK

Selain terlibat dalam menyebarluaskan keilmuan Islam, Abu Bakar juga terlibat dalam politik tanahair. Beliau menyertai politik kerana menyakini bahawa agama dan politik tidak boleh dipisahkan. Pada penilaian beliau, Parti Islam se-Malaysia (PAS) merupakan parti yang memperjuangkan Islam sebenar.

Perjuangan politik beliau adalah untuk menegakkan pemerintahan Islam seperti yang selalu ditegaskan dalam kuliah beliau. Menegakkan syariat Allah adalah suatu kewajipan. Pemerintah bertanggung jawab menegakkan syariat Allah. Bagi faham politik beliau, Perdana Menteri adalah pemerintah yang sebenar bukan sultan atau raja. Perdana Menteri merupakan raja yang sebenar kerana dia yang memerintah¹¹⁸.

Selain itu, Abu Bakar kuat berpegang dengan prinsip “berkatalah benar walaupun ianya pahit”. Beliau dengan berani menegur pemimpin politik termasuk sultan

¹¹⁷ Temuramah dengan Mohamad bin Abdullah pada 13 Oktober 2003 di rumah beliau, Jitra

¹¹⁸ Temuramah dengan Mohamad bin Abdullah pada 13 Oktober 2003 di rumah beliau, Jitra.

jika pada fikirannya sesuatu tindakan itu salah. Teguran beliau terhadap pemimpin politik dapat didengar dengan jelas dalam kuliah-kuliah tafaqquh beliau. Kadang-kadang teguran beliau agak keras dan pedas.

Selain menjadi ahli kepada Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Abu Bakar pernah bertanding atas tiket PAS dalam pilihan raya umum tahun 1969¹¹⁹ bagi kawasan Parlimen Kubang Pasu Barat¹²⁰ menentang Dato' Senu bin Abd. Rahman.¹²¹ Walau bagaimanapun, beliau kalah dalam pilihan raya tersebut. Abu Bakar juga pernah menyandang jawatan Yang Dipertua PAS kawasan Ayer Hitam.¹²² Beliau juga pernah menyandang jawatan penting dalam Pas iaitu "Ketua Alim Ulama PAS". Bahkan beberapa orang pimpinan tertinggi PAS Kedah pernah mengadakan majlis muzakarah bulanan di rumah beliau. Antara pimpinan tertinggi PAS yang terlibat dalam Majlis Muzakarah ini ialah Dato' Fadzil b. Mohd. Noor, Tuan Guru Haji Yahya bin Junaid (Padang Lumat), Ustaz Abd Hamid (Derga) dan Ustaz Azahari (Guar Chempedak)¹²³. Semasa beliau masih sihat dan cergas sekitar tahun 1980-an, Abu Bakar merupakan pengkuliahan mingguan di Ibu Pejabat PAS di Alor Setar. Kuliah itu diadakan pada hari Jumaat.

Semasa aktif dalam politik, Abu Bakar pernah diancam untuk dibunuhi. Pernah dalam suatu peristiwa, beliau didatangi oleh dua orang lelaki dari kawasan Kaki

¹¹⁹ Berita Harian, 3 Mac 2004. Laporan Tahunan Pilihan Raya Umum merekodkan parlimen dibubarkan pada 20 Mac 1969 kecuali Kelantan (bubar 31 Mac 2004). Notis pilihanraya pada 5 April 1969. Manakala 5 April 1969 adalah hari penamaan calon. Pada 10 Mei 1969 merupakan hari pengundian.

¹²⁰ Temuramah telefon dengan Haji Mustafa b. Long, Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kedah pada 11 April 2004.

¹²¹ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

¹²² Rabaiyah Juhari (2002), *op.cit*, hlm.19

¹²³ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

Bukit, Perlis. Seorang bersenjatakan pistol dan seorang lagi bersenjatakan pisau. Mereka datang ke rumah Abu Bakar bertujuan untuk membunuh beliau. Misi itu gagal dengan takdir Allah apabila kedua-dua mereka bertelagah kerana salah seorang daripada mereka tidak mahu melaksanakan misi bunuh tersebut¹²⁴.

Apabila usia Abu Bakar meningkat lanjut dan tahap kesihatannya makin merosot, beliau hanya menumpukan pengajaran di madrasah miliknya dan kawasan yang berdekatan dengan Ayer Hitam. Namun semangat politiknya terus membara.

11.0 GURU-GURU ABU BAKAR

Tidak banyak yang diketahui tentang guru-guru Abu Bakar. Tetapi jumlahnya adalah ramai kerana Abu Bakar sering merantau dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Beliau sentiasa mencari guru baru apabila beliau telah selesai belajar dengan guru tersebut. Abu Bakar pernah menceritakan dalam kuliah beliau, bahawa beliau pernah berguru dengan lebih daripada 40 orang guru. Semuanya di Makkah. Ada guru yang beliau berguru sekadar 2 hingga 3 hari sahaja. Ada yang berbulan-bulan dan ada pula yang sampai bertahun-tahun lamanya¹²⁵. Di antara prinsip Abu Bakar dalam menuntut ilmu ialah sentiasa mencari ilmu yang belum diketahui atau dikuasai. Apabila beliau mendapat ilmu yang diperolehi daripada gurunya telahpun dikuasainya, beliau akan mencari guru yang lain pula untuk mencari ilmu yang masih belum lagi diketahuinya. Selain itu, beliau akan berubah kepada guru yang lain apabila guru yang mengajar itu membawa suatu fahaman

¹²⁴ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

¹²⁵ Temuramah dengan Haji Mahyuddin bin Ahmad, 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah.

yang tidak secukup dengan ilmu dan kefahamannya¹²⁶. Dengan itu beliau akan berpindah kepada guru yang lain pula.

Ada beberapa orang guru yang selalu disebut oleh Abu Bakar dalam kuliah tafaqquh beliau seperti ‘Alawī al-‘Arabī dan ‘Umar Darastānī. Beliau amat rapat dengan Omar dan sering memiciti lututnya¹²⁷. Selain itu guru-guru Abu Bakar yang lain ialah Wan Ismail b. Wan Abdul Kadir¹²⁸ lebih dikenali sebagai Pak De ‘El¹²⁹ (1300H/1882M-10 Rejab 1385H/3 November 1965M), ‘Abd al-Qādir b. Abd al-Mutallib al-Mandili, Haji Syafie dan Syeikh ‘Ālim Maliki. Termasuk juga guru-guru beliau yang mahsyur di Makkah ketika itu ialah Hasan Mustafa al-Garūti, Sayyid Muhsin al-Palembāngi, Abd Karim al-Banjari dan lain-lain¹³⁰.

Perlu diingat, Abu Bakar tidak berguru di Palestin. Beliau pergi ke Palestin adalah untuk bekerja bagi menyara hidupnya bukan menuntut ilmu. Oleh itu, semua guru Abu Bakar terdiri dari kalangan guru yang mengajar di Masjid al-Haram ataupun guru-guru dari kalangan orang Melayu, Patani atau Indonesia yang mengadakan pengajian di rumah-rumah mereka di Makkah.

¹²⁶ Temuramah dengan Haji Mahyudin bin Ahmad, 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah.

¹²⁷ Temuramah dengan Haji Mahyudin bin Ahmad, 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah.

¹²⁸ Abu Bakar telah mensyarah kitab akidah karangan guru beliau ini “al-Fatḥ al-Rabbāni Syarḥ Bakūrah al-Amāni”

¹²⁹ Barangkali tiada tertinggal seorang pun yang pernah belajar di Pondok Pengajian di Kedah, juga di Patani yang ke Makkah pada zaman itu yang tidak belajar kepada Pak De ‘El. Antara ulama Kedah yang lain turut berguru dengan Pak De ‘El ialah Haji Saleh Sik dan Haji Zakaria Haji Ahmad Awang Besar. Mereka adalah ulama Kedah yang disegani masa kini. Lihat: Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1998), *op.cit*, hlm. 100.

¹³⁰ Shukri Ahmad (2001), *op.cit*, hlm. 102-103

12.0 MURID-MURID ABU BAKAR

Anak murid Abu Bakar boleh dibahagikan kepada 2 kategori. Pertama murid generasi awal dan kedua, murid generasi mutakhir.

1. Murid Generasi Awal

Mereka adalah murid yang belajar dengan Abu Bakar sejak Pondok Ayer Hitam mula dibuka. Sistem pembelajaran adalah kaedah tradisi pondok iaitu “sistem menadah kitab” di mana guru membaca dan murid memerhati serta meneliti perkataan demi perkataan apa yang tercatat dalam kitab¹³¹. Golongan ini juga dikenali sebagai murid tua. Di antara mereka ialah Ustaz Abdul Samad bin Lebai Ismail, Ustaz Harun bin Haji Saad, Ustaz Haji Mustafa dan Ustaz Haji Othman¹³². Selain itu, Ustaz Mokhtar b. Ahmad (bekas imam Masjid Negeri Pulau Pinang), Mustofa b. Saad (Permatang Bongor, Ayer Hitam), Bakar Bin Ahmad Putih (Telok Tui, Jerlun) Haji Harun Saad (Sungai Korok, Jerlun), Aziz (Pahang) dan Ahmad b. Ibrahim (Pahang)¹³³ adalah juga termasuk golongan murid tua.

2. Murid Generasi Mutakhir.

Perubahan sistem pendidikan menyebabkan pondok tidak lagi menjadi pusat ilmu tetapi sebaliknya menjadi pusat ibadat. Penghuni pondok pula didominasi oleh warga tua. Oleh itu, murid generasi mutakhir

¹³¹ Zarin Ismail (2003), "Kearah Menjadikan Penyelidikan dan Kajian Sebagai Sumber Ilmu Dalam Islam" (Kertas Kerja Seminar Pemantapan Kaedah Pengajaran dan Peningkatan Profesionalisme Pensyarah Pendidikan Islam Kolej Matrikulasi di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET) pada 6 Oktober 2003), hlm.1

¹³² Rabaiyah Juhari (2002), *op.cit*, hlm. 23

¹³³ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

kebanyakannya terdiri daripada warga tua yang lebih memberikan tumpuan kepada ibadah berbanding dengan pembelajaran kitab.

Disamping itu, murid generasi mutakhir terdiri daripada kalangan mufti seperti Mat bin Jahaya Mufti Perlis, dari kalangan ustaz seperti Ustaz Baihaqi pensyarah Institut Teknologi Mara, Ustaz Sayuti Ramli, Ustaz Abd. Samad Mohd. Don, En. Mohammad Abdullah dan lain-lain¹³⁴. Mereka mengikuti kuliah tafaqquh yang diadakan khusus bagi membincangkan kitab yang tinggi seperti *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* oleh al-Sayūti, *al-Muwatta'* karangan Imam Malik dan lain-lain¹³⁵. Kuliah khusus ini diadakan pada hari Sabtu dan Selasa.

Selain itu Abu Bakar juga mempunyai murid dari kalangan perempuan. Di antara mereka ialah Hajah Siti Rahmah, Ku Sofiah, Mariam Ghazali, Che Bariah Nik Hassan dan lain-lain¹³⁶.

Sungguhpun begitu, anak murid Abu Bakar tidak hanya terbatas kepada golongan tersebut sahaja. Malah Abu Bakar turut mengadakan kuliah di luar daripada pondok beliau seperti di Masjid Pulau Timbul, Masjid Tunjang dan Masjid Padang Limau. Kesemuanya terletak di sekitar Jitra. Abu Bakar juga pernah mengadakan kuliah di Pulau Langkawi.

¹³⁴ Temuramah dengan Ustaz Sayuti Ramli pada 31 Mac 2004 di Sekolah Rendah al-Azhar, Jitra.

¹³⁵ Temuramah dengan Mohamad bin Abdullah pada 13 Oktober 2003 di rumah beliau, Jitra.

¹³⁶ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

Mengenai disiplin mengajar, Abu Bakar lebih suka murid-muridnya membaca dan merujuk terlebih dahulu sesuatu masalah sebelum bertanya kepada beliau. Bagi Abu Bakar cara ini akan membantu murid-murid beliau menemui maklumat-maklumat yang lain secara tidak langsung. Ia juga akan melatih murid menyemai sifat suka membaca.¹³⁷ Abu Bakar juga selalu menasihati muridnya yang ingin mengajar kitab kepada orang lain supaya mengajar kitab yang belum pernah dipelajarinya atau belum pernah “menadah” lagi. Hal ini dilakukan supaya ilmu dapat berkembang dengan cepat dan tidak hanya tertumpu pada kitab yang pernah dipelajari sahaja¹³⁸.

Sungguhpun Abu Bakar mempunyai murid yang ramai tetapi tiada seorangpun daripada anak murid beliau yang membuka pondok. Namun begitu, ramai di kalangan murid-muridnya yang terjun ke tengah masyarakat sebagai imam, guru-guru takmir masjid dan juga guru-guru di sekolah formal¹³⁹.

13.0 HASIL KARYA

Abu Bakar boleh disifatkan antara ulama tradisional kurun ke-20 yang paling banyak berkarya khususnya di kalangan ulama Kedah. Malah hasil karya beliau dapat menyaingi jumlah karya Hussain bin Muhammad Nasir atau lebih dikenali sebagai Tuan Hussain (1863-1936)¹⁴⁰ dan Wan Sulaiman Wan Siddiq (1874-1935) yang merupakan Syeikh al-Islam Kedah selama 30 tahun hingga meninggal. Masing-masing menghasilkan 18 buah karya. Kedua-duanya adalah

¹³⁷ Temuramah dengan Haji Mahyudin Ahmad pada 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah.

¹³⁸ Temuramah dengan Mohamad bin Abdullah pada 13 Oktober 2003 di rumah beliau, Jitra

¹³⁹ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

¹⁴⁰ Shukri Ahmad (2001), *op.cit*, hlm. 104

pengarang yang produktif¹⁴¹ walaupun menghasilkan karya yang berupa risalah yang nipis¹⁴².

Abu Bakar merupakan seorang ulama yang prolifik dan produktif. Semasa hayatnya beliau telah menghasilkan sekurang-kurangnya 40 buah¹⁴³ hasil karya dalam pelbagai bidang ilmu Islam. Beliau menghabiskan kebanyakan dari masa beliau dengan ilmu sehingga isteri beliau, Hajah Zainab menyifatkan beliau sebagai seorang yang “pensil tidak lekang dari tangan”¹⁴⁴.

Abu Bakar biasanya tidur awal iaitu selepas sahaja Solat Isyak sekiranya tiada kelas pengajian. Beliau bangun pada awal pagi sekitar jam 3.00 pagi untuk beribadat dan membaca sehingga subuh. Abu Bakar biasanya mengarang selepas solat Zohor. Kadang-kadang disambung sehingga selepas Solat Asar. Beliau mengarang sambil duduk bersila di atas lantai tanpa alas, di bawah kipas angin yang sentiasa dipasang¹⁴⁵.

Penelitian awal mendapati Abu Bakar telah menulis sekurang-kurangnya 40 buah kitab dalam berbagai-bagai cabang ilmu Islam. Penyelidik hanya dapat menemui sebanyak 23 buah teks karya beliau. Selebihnya karya beliau dapat dikesan pada catatan akhir kitab *Sabil al-I'tiqādīyyah bi Syarḥ Risālah al-Qudsīyyāh*. Pecahan karya beliau adalah seperti berikut; akidah (13 buah), tasawuf, *wā'iż* dan

¹⁴¹ Abdul Rahman Haji Abdullah (1998), *op.cit*, hlm. 32.

¹⁴² Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1998), *op.cit*, hlm. 101-102,

¹⁴³ Shukri Ahmad (2001), *ibid.*, Beliau telah menganggarkan Abu Bakar telah menghasilkan lebih daripada 20 buah karya. Namun begitu, penyelidik telah berjaya mengesahkan sejumlah 40 buah. Oleh itu perlu ada usaha untuk mengumpulkan kesemua hasil karya Abu Bakar yang berkemungkinan masih disimpan oleh anak-anak murid beliau dari kalangan generasi awal.

¹⁴⁴ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

¹⁴⁵ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

nasihat¹⁴⁶ (9 buah), fekah (7 buah), sirah atau tawarikh (5 buah) dan hadith (3 buah) politik (2 buah) dan tidak dapat dikenal pasti (sebuah)¹⁴⁷.

Menurut Abdul Samad, Abu Bakar amat mahir dalam bidang sirah dan sejarah Islam. Kepakaran dalam bidang ini turut diakui oleh murid-muridnya yang lain¹⁴⁸. Manakala karya terakhir beliau ialah sebuah kitab hadith yang diminta oleh Abdul Samad¹⁴⁹. Walau bagaimanapun penyelidik tidak dapat mengesan kitab yang dimaksudkan. Perincian hasil karya beliau akan dibincangkan dalam bab dua nanti.

14.0 KESIMPULAN

Abu Bakar dapat disenaraikan sebagai salah seorang ulama yang unggul pada abad ke-20. Beliau boleh diletakkan sebaris dengan ulama dan pengarang kitab-kitab jawi sebelumnya seperti Ahmad b. Aminuddin Qadi, Syihabuddin al-Haj b. Abdullah Muhammad al-Jawi, Muhammad Zayn b. Faqih Jalal al-Din, Ahmad al-Fatani, Muhammad Zayn al-Din Badawi al-Sumbawi, Daud al-Fatani, Syeikh Zayn al-'Ābidin b. Muhammad al-Fatani dan seumpamanya.

Sumbangan Abu Bakar juga adalah besar dalam mengisi khazanah kitab jawi karya ulama Alam Melayu. Karya beliau yang tidak kurang daripada 40 buah

¹⁴⁶ Abu Bakar membezakan antara kitab Tasawuf dan kitab *al-Wa'z wa al-Nasīḥah*. Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggabungkan kedua-dua jenis karya tersebut dalam kategori tasawuf. Lihat : Abu Bakar (t.t), *Sabil al-Iktiqādiyyah*, manuskrip. hlm.36 atau akhir.

¹⁴⁷ Hasil-hasil karya Abu Bakar akan disentuh pada bab 2 nanti.

¹⁴⁸ Temuramah dengan Haji Mahyuddin bin Ahmad 23 Jun 2002 di Pondok Ayer Hitam, Kedah. Lihat juga; Shukri Ahmad (2001), *op.cit.* hlm. 104

¹⁴⁹ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

merupakan hasil pena yang tidak ternilai harganya. Itulah usaha intelektual Abu Bakar yang telah menghabiskan keseluruhan hidupnya untuk ilmu. Beliau tidak jemu menyebarkan ilmu dan berkarya sehingga kesihatan beliau tidak mengizinkan lagi.

Tanggal 6 Oktober 1998¹⁵⁰ Abu Bakar kembali ke rahmatullah setelah mengidap sejenis penyakit “kaku¹⁵¹” seolah-olah lumpuh selama 2 tahun 6 bulan. Beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir ketika azan subuh sedang mengumandangkan kalimah “*Asyhadu an lā ilāha illa Allāh*” pada usia 95 tahun¹⁵². Wajahnya seolah bercahaya, berisi penuh dan berpeluh di kening. Ketika saat-saat hendak dikebumikan, wajahnya menjadi kekuningan¹⁵³. Malah setiap orang yang menziarahi beliau menyebut bahawa wajah beliau ketika meninggal jauh lebih cantik dan berseri berbanding wajah beliau ketika sedang sakit¹⁵⁴. Di antara wasiat pengkebumiannya “kafankan dengan 3 lapis sahaja, gunakan kain kafan yang lama dan dibasuh dan jangan panggil¹⁵⁵ orang datang sembahyang jenazah beliau”¹⁵⁶. Satu perkara pelik berlaku ketika jenazah beliau diusung ke

¹⁵⁰ Menurut Syukri Ahmad, Abu Bakar meninggal pada 5 Oktober 1998. Lihat; Shukri Ahmad (2001), *op.cit.* hlm. 103. Menurut catatan Haji Mahyudin Ahmad, Abu Bakar meninggal pada 6 Oktober 1998. Penyelidik memilih tarikh ini berdasarkan catatan dalam buku Haji Mahyudin Ahmad seorang murid terkenan Abu Bakar.

¹⁵¹ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah. Beliau menafikan bahawa Abu Bakar menghidapi penyakit lumpuh kerana Abu Bakar masih dapat merasakan gigitan nyamuk dan juga cubitan, berbeza dengan penyakit lumpuh yang tidak dapat merasakan apa-apa rangsangan.

¹⁵² Shukri Ahmad (2001), *op.cit.* Menurut beliau, Abu Bakar meninggal ketika berusia 90 tahun. Dalam ertikata lain Abu Bakar hidup 1908-1998. Tetapi temuramah dengan isteri beliau, Hajah Zainab pada 20 Oktober 2002 mengatakan Abu Bakar meninggal ketika berusia 95 tahun. Lihat kronologi kehidupan Abu Bakar pada lampiran A.

¹⁵³ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

¹⁵⁴ Shukri Ahmad (2001), *op.cit.* hlm. 105

¹⁵⁵ Tradisi di kebanyakan tempat di Negeri Kedah menjemput orang ramai terutamanya dari pondok-pondok berdekatan untuk bersembahyang jenazah. Selepas solat mereka akan disedekahkan sejumlah wang

¹⁵⁶ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

kuburan. Ketika itu hujan turun agak lebat sehingga terpaksa dibawa payung, tetapi lubang kubur beliau kering seolah-olah tiada hujan¹⁵⁷.

Jenazah beliau telah disembahyangkan oleh ribuan anak murid, sahabat handai, kenalan serta masyarakat setempat dan juga dari jauh¹⁵⁸. Solat jenazah diimamkan oleh anak lelaki beliau, Ustaz Emran. Jenazah beliau dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Masjid Ayer Hitam. Beliau kembali ke rahmatullah dengan meninggalkan puluhan kitab dalam pelbagai cabang ilmu yang amat berharga untuk umat mutakhir ini.

¹⁵⁷ Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

¹⁵⁸ Penyelidik turut berkesempatan solat jenazah ke atas almarhum Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin yang diadakan di tingkat bawah surau. Moga Allah meletakkan rohnya bersama orang-orang yang soleh.